

# Bakti Siswa: Seni memasyarakatkan manusia

UB 22.04.2012 B5

Oleh MOHD NURAZWAN BIN AUGUSTINE  
utusanborneokk@yahoo.com.my

**S**EMEMANGNYA, kesenian merupakan lambang budaya sesebuah kaum yang juga menjadi aset penting kepada negara. Menyedari akan hakikat tersebut, pelbagai langkah proaktif haruslah diambil bagi memberi kesedaran dan penghayatan kepada setiap anggota masyarakat akan kepentingannya.

Atas sebab itu, seramai 72 orang pelajar Penulisan Kreatif Tahun Satu dan Dua di bawah Kelab Sastera Mahasiswa (KARMA) bersama Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah telah berganding bahu menjayakan Program Bakti Siswa di Kampung Skim Kokos, Kunak, Sabah, baru-baru ini dengan bertemakan Seni Memasyarakatkan Manusia.

Program yang dijalankan selama lima hari empat malam itu menjadi platform untuk mendedahkan kepentingan menjaga kesenian dan warisan kebudayaan setempat kepada masyarakat kampung mahupun para pelajar sendiri.

Secara tidak langsung, pelajar-pelajar yang terlibat telah berpeluang mengenali dan menyelami budaya masyarakat Kokos dari segi makanan, pakaian, pantun, bahasa ibunda, tarian, adat kahwin, adat kematian dan seumpamanya melalui kajian budaya yang dijalankan bak kata pepatah Melayu "sambil menyelam minum air."

Menyedari akan keaslian budaya yang masih dimiliki oleh masyarakat ini, usaha pendokumentasian direncanakan melalui program berkenaan sebagai satu langkah untuk memelihara khazanah warisan bangsa yang tidak ternilai harganya ini agar terus dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Selain itu, hubungan silaturahim di kalangan pelajar universiti dengan masyarakat luar dieratkan lagi melalui pelbagai pengisian program.

Antara program yang telah dijalankan bagi mencapai objektif ini ialah program anak angkat antara pelajar dan penduduk kampung, sukaneka serta aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-rotong membersihkan masjid.

Bakti Siswa pada kali ini tidak hanya mengadakan program di dalam kampung Kokos tetapi juga mengambil peluang untuk mendekati pelajar sekolah menengah dengan mengadakan aktiviti di sekolah yang terpilih.

Justeru, satu taklimat seni telah diadakan pada hari kedua program di Sekolah Menengah Kebangsaan Madai oleh aktivis seni terkenal tanah air yang turut serta iaitu Khalid Salleh dan Puad Bebit yang memperkenalkan Sajak Jenaka Sinis (SAJENIS) kepada para pelajar sekolah.

Para pelajar yang terdiri daripada Tingkatan Lima dan Enam telah diajar dan diberi peluang menghasilkan SAJENIS yang disifatkan masih baru lagi kewujudannya. Boleh dikatakan sambutan terhadap aktiviti kesenian terutamanya sastera begitu menggalakkan di kalangan pelajar yang terlibat apabila telah menunjukkan komitmen yang tinggi.

Pada malam penutupan program berkenaan yang disempurnakan oleh Dekan SPS, Prof. Madya Dr. Haji Ismail Haji Ibrahim, pelbagai persembahan kesenian seperti deklamasi puisi dan sketsa dipersembahkan oleh para pelajar SPS bersama-sama dengan penduduk kampung.

Bagi Ahmad Azreen Wahibuddin Bin Abdul Wahab, pelajar Penulisan Tahun Dua yang juga berasal dari Negeri Kelantan, dia merasa amat bertuah kerana dapat merasai budaya dan kesenian masyarakat Kokos yang begitu unik.

"Ini merupakan pengalaman baru bagi saya dan melalui program sebegini, saya berpeluang mengenali budaya, kesenian dan cara hidup masyarakat Kokos di Sabah yang lain daripada yang lain di samping dapat beramah mesra bersama penduduk kampung," katanya.

Pada masa yang sama Bakti Siswa ini juga dilihat dapat melatih para siswa/i terhadap bidang pengurusan yang melibatkan pihak luar universiti bermula dengan kertas kerja sehingga laporan akhir program.

Diharap, dengan adanya program seumpama ini, para pelajar khususnya mahasiswa/i dapat memanfaatkan masa yang ada untuk mengenali dengan lebih dekat lagi aspek kesenian.



PARA pelajar SMK Madai dan mahasiswa/i merakamkan gambar kenang-kenangan bersama Khalid Salleh dan Puad Bebit selesa sahaja program.